

Tajuk :	PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HACCP KKM		
No. Dokumen : HACCP-V01	Keluaran : 01	Pindaan : 00	Tarikh Kkuatkuasa : April 2021



Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HAZARD ANALYSIS CRITICAL CONTROL POINT (HACCP) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Diluluskan oleh	:	
Nama	:	Norrani Binti Eksan
Jawatan	:	Pengarah Pematuhan dan Pembangunan Industri Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Tarikh	:	April 2021

Tajuk :	PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HACCP KKM		
No. Dokumen : HACCP-V01	Keluaran : 01	Pindaan : 00	Tarikh Kkuatkuasa : April 2021

PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HAZARD ANALYSIS CRITICAL CONTROL POINT (HACCP) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. PENGENALAN

Produk varians adalah produk yang diproses melalui aktiviti pemprosesan yang sama atau aliran proses yang berbeza tetapi tidak melibatkan perubahan major dengan produk yang telah diluluskan di bawah pensijilan HACCP, KKM. Produk ini boleh mempunyai perbezaan dari segi ramuan, perasa, nama produk atau pembungkusan berbanding produk sedia ada yang telah diluluskan. Penambahan produk varians yang diluluskan akan dinyatakan sebagai lampiran di dalam pensijilan HACCP sedia ada.

2. OBJEKTIF

Memastikan keseragaman dalam proses kelulusan pertambahan produk varians dalam sijil HACCP, KKM

3. PROSEDUR

3.1. SYARAT-SYARAT PEMOHONAN

3.1.1. Pemohon mestilah pemegang Sijil HACCP, KKM yang masih **sah**.

3.1.2. Mengemukakan dokumen berikut semasa permohonan dibuat :

3.1.2.1. Deskripsi **produk varians** dan produk sedia ada yang telah diluluskan dalam Sijil HACCP, KKM;

3.1.2.2. Carta alir proses produk varians dan produk sedia ada yang telah diluluskan dalam Sijil HACCP, KKM; dan

3.1.2.3. *Hazard Analysis worksheet* bagi bahan mentah dan proses bagi produk varians.

3.1.3. Permohonan boleh dibuat sehingga sebelum **6 bulan dari tarikh tamat tempoh**.

Tajuk :	PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HACCP KKM		
No. Dokumen : HACCP-V01	Keluaran : 01	Pindaan : 00	Tarikh Kuatkuasa : April 2021

3.2. PROSES KELULUSAN


- 3.2.1. Permohonan perlu dikemukakan secara online melalui sistem Fosim (fosim.moh.gov.my) sebagai permohonan pindaan sijil HACCP. Surat permohonan dan dokumen sokongan perlu dilampirkan di dalam sistem berkenaan. *(Dokumen perlu disahkan oleh pasukan HACCP syarikat)*
- 3.2.2. Permohonan yang tidak lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem Fosim.
- 3.2.3. Bagi permohonan yang lengkap, dokumen sokongan yang dilampirkan akan disemak dan sebarang maklumat tambahan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem Fosim.
- 3.2.4. Permohonan produk varians yang telah lengkap akan dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan GMP/HACCP untuk tujuan kelulusan.
- 3.2.5. Bagi Permohonan yang lulus, cetakan semula sijil perlu dibuat bagi mengemaskini senarai produk varians di dalam sijil HACCP. Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan melalui sistem Fosim.

4. FI

- 4.1 Tiada fi dikenakan untuk surat kelulusan penambahan produk varians.

Tajuk : PROSEDUR PENAMBAHAN PRODUK VARIANS DALAM SIJIL HACCP KKM			
No. Dokumen : HACCP-V01	Keluaran : 01	Pindaan : 00	Tarikh Kkuatkuasa : April 2021

5. CARTA ALIR PROSES KERJA



*Mesyuarat dijalankan dua (2) kali sebulan atau mengikut keperluan